

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 17

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kes baharu susut

Bilangan kematian turut catat penurunan minggu lalu

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Situasi wabak COVID-19 dalam negara menunjukkan perkembangan positif sepanjang Minggu Epid (ME) 20/2022 apabila beberapa indikator menunjukkan penurunan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sepanjang ME 20/2022 dari 15 hingga 21 Mei lalu, Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan penurunan kes baharu 28.8 peratus, iaitu 19,137 kes kepada 13,630 kes berbanding ME 19/2022.

Beliau berkata, bilangan kes tempatan juga menunjukkan penurunan 28.8 peratus, iaitu dari 19,106 kes kepada 13,615 kes dan bilangan kes import menurun

48.3 peratus, iaitu daripada 29 kes kepada 15 kes.

Turut menunjukkan penurunan adalah bilangan kes kematian pada ME 20/2022, iaitu penurunan kepada 12.1 peratus daripada 33 kes kepada 29 kes berbanding minggu epid sebelumnya.

"Bilangan kes sembuh pada ME 20/2022 meningkat 21.1 peratus iaitu daripada 12,618 kes kepada 15,278 kes berbanding ME 19/2022," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, dari 25 Januari 2020 (ME 4/2020) hingga 21 Mei 2022 (ME 20/2022), sejumlah 4,489,503 kes positif COVID-19 dikesan dengan kes aktif 28,085 kes ketika ini.

Beliau berkata, ketika ini sejumlah 4,425,777 kes sudah sembuh daripada jangkitan COVID-19, namun sehingga kini 35,641 kes kematian akibat COVID-19 turut dilaporkan.

Katanya, sepanjang lebih dua tahun penularan pandemik COVID-19 di Malaysia, sebanyak 7,011 kluster jangkitan dikesan dan ketika ini 34 kluster masih aktif.

Pada ME 20/2022 juga, purata nilai kadar kebolehhangkitan (RT) menunjukkan penurunan sebanyak 3.1 peratus berbanding tahun sebelumnya.

"Secara keseluruhan, jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan (hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) awam) bagi setiap 100,000 penduduk menurun 9.0 peratus pada ME 20/2022 berbanding ME 19/2022.

"Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk menurun 50 peratus dengan jumlah pesakit COVID-19 semua menurun 50 peratus," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, peratusan penggunaan katil bukan kritikal dan di PKRC sepanjang ME 20/2022 tidak menunjukkan perubahan, tetapi ada penurunan sebanyak 33 peratus bagi penggunaan katil unit rawatan rapi (ICU).

Pada masa sama, Dr Noor Hisham berkata, kes positif COVID-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) di seluruh negara juga menunjukkan penurunan.



Khairy bersama Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah pada Perhimpunan Kesihatan Dunia Ke-75 di Geneva, Switzerland. (Foto ihsan Twitter Dr Noor Hisham)

Khairy dilantik Naib Presiden Perhimpunan Kesihatan Dunia

Kuala Lumpur: Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, dilantik sebagai seorang daripada lima Naib Presiden Perhimpunan Kesihatan Dunia Ke-75 yang sedang berlangsung di Geneva, Switzerland.

Beliau dilantik bersama-sama calon mewakili empat negara lain, iaitu Bulgaria, Indonesia, Togo dan Amerika Syarikat.

Video pengumuman itu dikong-

sikan Khairy dengan media tempatan, malam kelmarin.

Sementara itu, Penasihat kepada Menteri Kesihatan, Dimishtra Sittampalam, dalam ciapannya mengesahkan pelantikan Khairy.

"Khairy akan mewakili wilayah Pasifik Barat terdiri daripada 37 negara serta mewakili satu per empat daripada populasi dunia," katanya. BERNAMA

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : LOKAL



SUASANA lenggang pada Program Intuisasi Covid-19 Kanak-kanak (PICKIDS) di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Eksplo Seberang Jaya, Pulau Pinang. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD

Situasi makin baik

Kes baharu, jumlah pesakit masuk hospital tunjuk penurunan

Kuala Lumpur

Situasi Covid-19 dalam negara sepanjang Minggu Epidemiologi (ME) ke-20 menunjukkan keadaan lebih baik dengan penurunan kes baharu dan jumlah pesakit dimasukkan ke hospital selain peningkatan kes sembuh berbanding minggu sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sepanjang tempoh ME berkenaan yang bermula dari 15 hingga 21 Mei, bilangan kes baharu Covid-19 di negara ini menurun 28.8 peratus iaitu ke-

pada 13,630 kes berbanding 19,137 pada minggu sebelumnya (ME ke-19).

Beliau berkata, perkembangan itu menyaksikan jumlah kumulatif kes Covid-19 di Malaysia kini 4,489,503 kes dengan 28,085 kes aktif.

"Bilangan kes sembuh pada ME ke-20 meningkat 21.1 peratus atau 12,618 kes kepada 15,278 kes berbanding ME ke-19.

"Kes kematian pada ME ke-20 menunjukkan penurunan iaitu 29 kes berbanding 33 kes pada ME sebelumnya menjadikan kumulatif kematian 35,641 kes," katanya.

Sementara itu, Dr Noor

Hisham berkata, jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan iaitu hospital dan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) awam bagi setiap 100,000 penduduk juga menurun sebanyak sembilan peratus untuk ME sama berbanding ME sebelumnya.

"Kemasukan pesakit Covid-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 penduduk juga menurun sebanyak 50 peratus melibatkan semua kategori pesakit," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, peratus pengisian katil fasiliti Covid-19 menurun berbanding ME ke-19 iaitu

penggunaan katil ICU menurun 33 peratus manakala penggunaan katil PKRC dan katil kritikal tiada perubahan berbanding ME sebelumnya.

Beliau berkata, kes positif Covid-19 dipantau Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara menunjukkan penurunan dengan kedatangan pesakit ke CAC menurun 5.2 peratus dan bilangan kes Covid-19 baharu menjalani pemantauan di rumah menurun 26.6 peratus.

"Bilangan kes Covid-19 g dirujuk CAC ke PKRC atau hospital menurun 18.7 peratus," katanya.

PERHIMPUNAN KESIHATAN DUNIA KE-75 DI GENEVA

KJ wakili wilayah Pasifik Barat

Kuala Lumpur: Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin dilantik sebagai seorang daripada lima naib presiden Perhimpunan Kesihatan Dunia ke-75 yang berlangsung di Geneva, Switzerland.

Khairy dilantik bersama calon yang mewakili empat negara lain iaitu Bulgaria, Indonesia, Togo dan Amerika Syarikat.

Video pengumuman itu

dikongsikan Menteri Kesihatan itu kepada media tempatan, kelmarin.

Sementara itu, Penasihat kepada Menteri Kesihatan Dimishtra Sittampalam dalam ciapannya mengesahkan pelantikan Khairy.

"Khairy akan mewakili wilayah Pasifik Barat yang terdiri daripada 37 negara dan mewakili satu perempat daripada populasi dunia," katanya.

1,119,411 budak lengkap divaksin

Kuala Lumpur: Sebanyak 1,119,411 atau 31.5 peratus kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun lengkap divaksin di bawah Program Imunisasi Kanak-Kanak Covid-19 Kebangsaan (PICKIDS), setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web Covidnow, 1,676,457 atau 47.2 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17, seramai 2,909,585 atau 93.5 peratus sudah lengkap divaksin manakala 3,006,147 atau 96.6 peratus daripada kumpulan itu menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sementara itu, 16,080,331 atau 68.3 peratus dewasa di

68.3%

Golongan dewasa sudah menerima suntikan dos penggalak

negara ini menerima suntikan dos penggalak, 22,972,728 atau 97.6 peratus lengkap dua dos suntikan vaksin dan 23,248,752 atau 98.8 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 13,706 dos harian diberi kelmarin iaitu 1,264 suntikan penggalak, 7,377 dos kedua dan 5,065 dos pertama, menjadikan jumlah kumulatif pemberian vaksin di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kepada 70,799,796.

Kota Bharu: Ibu mengandung berisiko mengalami kecacatan tulang belakang atau spinal bifida jika mengalami kekurangan vitamin, asid folik selain menghidap kencing manis.

Pakar Bedah Ortopedik, Jabatan Ortopedik Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP) Universiti Sains Malaysia (USM) Dr Emil Fazliq berkata, persediaan perlu dilakukan sebelum mengandung untuk berhadapan risiko kandungan yang mengalami masalah itu kerana spinal bifida biasanya terjadi kepada usia ibu me-

Persediaan sebelum hamil elak spinal bifida



Spinal bifida bukan penamat kehidupan bagi seseorang individu kerana ada dalam kalangan mereka yang berjaya dalam kehidupan"

Dr Emil Fazliq

ngandung, apabila semakin tinggi usia, semakin tinggi risiko akibat penyakit sampingan yang dihadapi.

Menurutnya, spinal bifida adalah kecacatan kekal berpunca daripada pembentukan tulang belakang tidak sempurna ketika dalam kandungan mengakibatkan saraf terdedah kepada persekitaran luar dan ia tidak berkembang dengan baik.

"Individu menghidap penyakit ini dikategorikan sebagai orang kurang upaya

(OKU) kerana tiada ubat bagi memulihkannya selain hanya boleh membantu menaikkan kualiti kehidupan individu berkenaan supaya menjadi lebih baik.

"Spinal bifida bukan penamat kehidupan bagi seseorang individu kerana ada dalam kalangan mereka yang berjaya dalam kehidupan masing-masing dan persepsi ini perlu diterapkan kepada orang ramai agar penghidap spinal bifida tidak disisih," katanya.

Bagaimanapun, beliau berkata, kesan spinal bifida bergantung kepada tahap penyakit itu sendiri.

"Sebagai contohnya, jika saraf terkeluar dari kulit, pesakit perlu melakukan pembedahan untuk menutupnya bagi mengelak jangkitan kuman.

"Sekiranya spinal bifida berlaku di bawah kulit maka tiada rawatan akan dilakukannya.

"Spinal bifida bukan membatalkan otot sahaja,

malah ia turut mengganggu proses perkumuhan yang lain seperti sembelit, kencing tidak puas, infeksi pada saluran kencing, hilang deria rasa dan menghidap penyakit buah pinggang.

"Untuk merawat penyakit ini, pesakit perlu menjalani rehabilitasi dan prevensi mengikut keadaan yang dialami termasuk mengelak daripada berlakunya komplikasi lemah otot oleh anggota badan berkenaan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : LOKAL

Kelantan rekod 1,233 kes jangkitan

Kota Bharu: Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Kelantan semakin membimbangkan apabila meningkat kepada 1,233 kes bagi minggu Epid ke-20 berbanding 945 kes pada minggu Epid ke-19.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) Datuk Dr Zaini Hussin berkata, kes itu direkodkan dalam tempoh seminggu iaitu antara 15 hingga 21 Mei lalu.

Menurutnya, Kota Bharu merekodkan kes paling tinggi iaitu sebanyak 533 kes, diikuti Pasir Mas (134), Tanah Merah (108), Pasir Puteh (105), Tumpat (92), Kuala Krai (69), Bachok (65), Machang (49), Gua Musang (43) dan Jeli (35).

"Jumlah kumulatif kes HFMD yang dilaporkan di negeri ini bagi tahun ini

533
Jumlah kes HFMD di Kota Bharu yang juga tertinggi di Kelantan

adalah sebanyak 3,726 kes. Terdapat peningkatan kes sebanyak 1,433 peratus berbanding dengan tempoh yang sama tahun lalu dengan 243 kes sahaja dilaporkan.

"Daripada jumlah kes HFMD, majoritinya adalah dalam kalangan kanak-kanak berusia antara satu hingga empat tahun iaitu sebanyak 71.6 peratus, kanak-kanak umur lima dan enam tahun (12.9 peratus) dan bawah satu tahun (8.3 peratus).

"Dari segi kejadian wabak, sebanyak 20 wabak HFMD

dilaporkan sehingga minggu Epid ke-20 tahun ini, berbanding dengan hanya satu wabak sahaja bagi tempoh yang sama tahun lalu.

"Terdapat dua wabak baru dilaporkan dan sebahagian besarnya membabitkan taska dan pusat jagaan kanak-kanak," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Dr Zaini berkata, ibu bapa atau penjaga yang mempunyai anak-anak kecil dinasihatkan supaya mengambil langkah berjaga-jaga bagi membendung penularan HFMD iaitu basuh tangan dengan sabun dan air bersih selepas menggunakan tandas, sebelum menyediakan makanan serta sebelum dan selepas menukar lampin atau mencuci najis kanak-kanak.

Menurutnya, mereka juga

diminta supaya tidak berkongsi barangan peribadi seperti berus gigi, sapu tangan, tuala, selimut, cawan, garpu, dan sudu dengan individu yang bergejala HFMD.

"Ibu bapa kepada kanak-kanak yang menunjukkan tanda atau gejala jangkitan dinasihatkan untuk tidak menghantar anak mereka ke pusat jagaan kanak-kanak, taska, tadika atau sekolah. Kanak-kanak yang sakit perlu dibawa ke klinik untuk rawatan lanjut.

"Pemilik premis juga dinasihatkan untuk kerap melakukan sanitasi premis terutama pada permukaan dan barangan yang kerap disentuh seperti troli barangan, tombol pintu dan alatan permainan," katanya.

Elak hantar anak tak sihat ke tadika, taska

Melaka: Ibu bapa dinasihatkan supaya tidak menghantar anak ke tadika atau taska jika mereka tidak sihat bagi mengelak jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

Exco Pendidikan dan Teknologi negeri Datuk Rais Yasin berkata, ibu bapa perlu bertanggungjawab terhadap kesihatan anak mereka bagi mengelak jangkitan penyakit berkenaan.

"Di Melaka juga terjejas dengan penyakit ini, saya yakin dan percaya Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) mengambil tindakan sewajarnya.

"Ibu bapa perlu sentiasa berhati-hati dan pastikan anak-anak berada dalam keadaan baik. Selaku ibu bapa atau waris perlu ambil tanggungjawab kalau anak kita ada tanda penyakit HFMD jangan hantar ke taska atau tadika," katanya ketika ditemui.

Menurutnya, pihak sekolah juga dinasihat mengawal selia pelajar mereka dan jika mengesan simptom penyakit itu segera maklumkan kepada ibu ba-



RAIS

pa untuk dihantar ke klinik.

Terdahulu sebanyak 20 premis di negeri ini diarahkan ditutup setakat 18 Mei lalu susulan penularan penyakit HFMD.

Pengarah Kesihatan Negeri Dr Rusdi Abd Rahman berkata, penutupan itu membabitkan enam taska, lapan tadika, dua pusat jagaan dan empat pusat persendirian.

Beliau berkata, jumlah itu dijangkakan meningkat sekiranya tiada langkah pencegahan dalam kalangan ibu bapa dan pusat jagaan kanak-kanak dalam mencegah penularan penyakit HFMD.

Pahang belum cadang tutup taska, prasekolah

Bera: Penilaian risiko dilakukan Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Pahang terhadap peningkatan kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) mendapati belum ada keperluan untuk menutup taska, tadika dan kelas prasekolah di negeri itu.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Pahang Datuk Seri Norolazali Sulaiman berkata, walaupun jumlah kes direkodkan sejak Januari hingga 18 Mei lalu mendapati berlaku lonjakan kira-kira 200 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu, namun masih terkawal.

Menurutnya, kebanyakan kes HFMD dikesan di negeri itu bersifat sporadik dan jumlah penularan kes di taska dan tadika masih rendah. "Sehingga 18 Mei lalu, sebanyak 1,744 kes dicatatkan iaitu lapan kali ganda berbanding hanya 205 kes bagi tempoh yang sama pada tahun lalu.

"Daripada jumlah itu, hanya 8.3 peratus atau 145 kes dikenal pasti daripada penularan yang berlaku di pu-


sat pendidikan kanak-kanak, seperti taska, tadika dan prasekolah, manakala 91.7 peratus ataupun 1,599 kes tersebar secara sporadik," katanya.

Beliau berkata, atas penilaian risiko itu, JKN Pahang dan kita (kerajaan negeri) memutuskan belum ada keperluan untuk menutup taska atau tadika atau kelas prasekolah.

"Pertimbangan keputusan kita tidak menutup pusat ini kerana kita percaya secara umumnya pusat pendidikan yang ada boleh mengawal penularan wabak itu.

"Yang membimbangkan kita adalah pendedahan anak-anak kita ke kawasan yang sesak," katanya selepas hadir ke majlis Jalanan Kasih Adilfitri bersama Sukarelawan dan Warga Bera di Dewan Majlis Daerah Bera di sini, semalam.

Menurutnya, tindakan penutupan pusat jagaan kanak-kanak itu akan dibuat jika penilaian risiko oleh JKN Pahang mendapati jumlah penularan kes HFMD di negeri terbabit bertambah serius.



PEMBUKAAN sekolah dan tadika menyumbang peningkatan jangkitan HFMD.

443 kes HFMD direkod di Labuan

18 kluster dikesan tapi masih terkawal dengan pemantauan ketat

Labuan

Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) mencatatkan kenaikan mendadak di pulau bebas cukai ini, dengan kes kumulatif sebanyak 443 setakat ini, berbanding hanya tujuh kes pada tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Kesihatan Labuan Dr Ismuni Bohari berkata, keadaan itu dianggap membimbangkan kerana 18 klus-

ter direkodkan. "Kami bimbang dengan peningkatan mendadak kes dalam kalangan murid sekolah, ditambah dengan kenaikan kes denggi. Peningkatan ini dijangka berikutan pembukaan sekolah dan tadika, tetapi apabila ia melonjak

sehingga ratusan peratus, itu membimbangkan kita," katanya kepada Bernama semalam.

Dr Ismuni berkata, situasi itu bagaimanapun masih terkawal dengan pemantauan ketat daripada petugas penguatkuasaan jabatan itu di tadika, taska dan sekolah rendah.

Beliau berkata, 443 kes itu dikesan di kesemua lima zon di seluruh Labuan, manakala 18 kluster membabit-

kan kawasan perumahan, pusat jagaan harian, taska dan tadika.

"HFMD adalah penyakit bermusim yang merebak melalui kontak rapat dengan orang yang dijangkiti...nasihat kami kepada ibu bapa agar tidak menghantar anak mereka dengan gejala HFMD ke sekolah," katanya.

Rabu lalu, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata sejumlah 31,661 kes HFMD dilaporkan di Malaysia sehingga Minggu Epidemiologi ke-19 (ME19) berbanding 2,121 kes yang direkodkan pada tempoh sama tahun lalu.

"Peningkatan ini dijangka berikutan pembukaan sekolah dan tadika"
Dr Ismuni



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : PENULARAN PENYAKIT TANGAN, KAKI DAN MULUT (HFMD)

Kedah catat 790 kes baharu HFMD

Jumlah tersebut mencatatkan peningkatan sebanyak 371 kes atau 89 peratus berbanding minggu sebelumnya

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI
ALOR SETAR



Kes jangkitan HFMD mudah menjangkiti kanak-kanak.

FOTO: SUMBER INTERNET

Kedah mencatatkan peningkatan kes jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) sebanyak 790 kes baharu pada Minggu Epidemiologi ke-20 (ME20). Exco Kesihatan Kedah, Datuk Dr Mohd Hayati Othman berkata, jumlah itu mencatatkan peningkatan sebanyak 371 kes atau 89 peratus berbanding minggu sebelumnya.

Menurutnya, 13 wabak baharu dilaporkan melibatkan sembilan tugas dan masing-masing dua tadika dan pra-sekolah.

“Sembilan daripada premis berkenaan telah diarah tutup bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 sementara empat lagi menutup operasi

mereka secara sukarela,” katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Beliau berkata, semua kes yang dilaporkan menunjukkan gejalanya ringan dan diberikan rawatan pesakit luar.

“Tiada kes yang mengalami komplikasi teruk atau memerlukan rawatan intensif. Dengan pertambahan ini, jumlah kes HFMD di negeri Kedah pada sehingga 21 Mei adalah 2,225 kes.

“Berbanding dengan sebelum pandemik, pada tempoh yang sama tahun 2019, negeri Kedah mencatatkan peningkatan sebanyak 1,473 kes atau 196 peratus,” katanya.



MOHD HAYATI

Dr Mohd Hayati berkata, sepanjang tahun ini, daerah Kuala Muda mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu 509 kes atau 22.9 peratus diikuti oleh Kubang Pasu 361 kes (16.2 peratus), Kota Setar 299 kes (13.4 peratus) dan Kulim 207 (9.3 peratus).

“Sepanjang tahun ini juga, sebanyak 40 wabak HFMD telah dilaporkan di negeri Kedah, dengan 39 daripadanya (97.5 peratus) berlaku di pusat pendidikan.

“Sebanyak 39 premis berkenaan telah diarahkan tutup sementara atau ditutup secara sukarela bagi tujuan sanitasi dan pencegahan jangkitan,” kata beliau.

Labuan catat peningkatan mendadak kes HFMD

LABUAN - Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) mencatatkan kenaikan mendadak di pulau bebas cukai ini, dengan kes kumulatif sebanyak 443 setakat ini berbanding hanya tujuh kes pada tempoh sama tahun lepas.

Pengarah Kesihatan Labuan, Dr Ismuni Bohari berkata, keadaan itu membimbangkan kerana 18 kluster direkodkan.

“Kami bimbang dengan peningkatan mendadak kes dalam kalangan murid sekolah, ditambah dengan kenaikan kes denggi. Peningkatan ini dijangka berikutan pembukaan sekolah dan tadika, tetapi apabila ia melonjak sehingga

ratusan peratus, itu membimbangkan kita,” katanya.

Dr Ismuni berkata, situasi itu bagaimanapun masih terkawal dengan pemantauan ketat daripada petugas penguatkuasaan jabatan itu di tadika, taska dan sekolah rendah.

Beliau berkata, 443 kes itu dikesan di kesemua lima zon di seluruh Labuan manakala 18 kluster melibatkan kawasan perumahan, pusat jagaan harian, taska dan tadika.

“HFMD adalah penyakit bermusim yang merebak me-



ISMUNI

lalui kontak rapat dengan orang yang dijangkiti... nasihat kami kepada ibu bapa agar tidak menghantar anak-anak mereka dengan gejala HFMD ke sekolah,” katanya.

Rabu lepas, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata sejumlah 31,661 kes HFMD dilaporkan di Malaysia sehingga Minggu Epidemiologi ke-19 (ME19) berbanding 2,121 kes yang direkodkan pada tempoh sama tahun lepas. - Bernama

HFMD: RAWATAN KAEDAH ALTERNATIF TIDAK DIGALAKKAN

Peringatan

Segera dapatkan rawatan di klinik / hospital jika terdapat simptom jangkitan

Jumlah kes terkini (Setakat 14 Mei 2022)

31,661 kes (naik 15 kali ganda berbanding tempoh sama pada 2021)

Kanak-kanak yang terkena HFMD perlu dipastikan minum air secukupnya. Kita juga bimbang gejala dehidrasi. Jika langsung tidak boleh minum air, memang perlu diberikan secara intravenus (suntikan ke dalam salur darah) & dibawa ke hospital.

Rawatan alternatif dikesan menggunakan: Serbuk kunyit, Daun semambu

Kesalahannya belum dapat ditentukan daripada jumlah kes. Tiada rawatan alternatif khusus rawat HFMD setakat ini.

La berikut:

Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali

HFMD - penyakit tangan, kaki & mulut

Sumber: Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr. Noor Azmi Ghazali & Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah

Disyorkan: 22 Mei 2022, setiap hari

Kes HFMD di Johor meningkat 22.2 kali ganda berbanding tahun lalu

JOHOR BAHRU - Sebanyak 2,240 kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) direkodkan di seluruh negeri ini pada Minggu Epid 20/2022.



LING TIAN SOON

Exco Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon berkata, angka terbahit menunjukkan peningkatan sebanyak 22.2 kali ganda berbanding tempoh sama pada tahun 2021 dengan hanya mencatatkan 101 kes.

“Kes HFMD berlaku dalam kalangan kanak-kanak berumur 0-6 tahun iaitu sebanyak 2,027 kes (90.49 peratus), diikuti oleh kumpulan umur 7-12 tahun iaitu 184 kes (8.21 peratus), dan selebihnya adalah berumur lebih daripada 13 tahun.

Sehingga kini, sebanyak 14 wabak aktif HFMD dilaporkan di mana daerah tertinggi mencatatkan kejadian wabak aktif ialah Kluang (9) dan diikuti daerah Johor Bahru (4) dan Batu Pahat (1).

“Majoriti lokasi penularan wabak di Negeri Johor sehingga Minggu Epid 20/2022 berlaku di taska (24 wabak) diikuti oleh rumah persendirian (14 wabak), tadika (4 wabak), prasekolah (2) dan pusat jagaan harian (1 wabak),” katanya menerusi kenyataan pada Isnin.

Jelas beliau, penyakit HFMD disebabkan oleh Enterovirus dengan majoriti kes disebabkan oleh Coxsackie Virus A16 dan

Enterovirus 71 (EV71). “Kebiasaan jangkitan adalah ringan (mild) dengan gejala demam diikuti ruam melepuh (blister) pada tangan, kaki, mulut dan lidah.

“Hampir keseluruhan pesakit yang menghidap penyakit HFMD pulih tanpa rawatan dalam masa tujuh (7) ke sepuluh (10) hari. Walau bagaimanapun, jangkitan EV71 boleh menyebabkan komplikasi teruk seperti encephalitis, pulmonary edema dan myocarditis,” katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menasihatkan orang ramai, terutamanya yang mempunyai anak-anak kecil supaya mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengurangkan risiko mereka dijangkiti.

“Antaranya adalah dengan membasuh tangan dengan sabun dan air bersih selepas menggunakan tandas, sebelum menyediakan makanan, selepas menukar lampin dan mencuci najis kanak-kanak.

“Selain itu, pastikan mulut dan hidung ditutup semasa batuk serta bersin, jangan berkongsi barangan peribadi seperti berus gigi, sapu tangan, tuala, selimut, cawan, garpu, dan sudu.

“Ibu bapa juga dinasihatkan agar tidak membawa anak-anak yang bergejala ke tempat awam yang ramai seperti kolam renang, pasar, pusat membeli-belah dan stesen bas,” ujarnya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

14-FOLD INCREASE

1,163 HFMD CASES IN KL, PUTRAJAYA

Worrying increase in these two areas from mid-March to yesterday

FARAH SOLHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

A TOTAL of 1,163 cases of hand, foot and mouth disease (HFMD) were reported in Kuala Lumpur and Putrajaya in the 20th Epidemiological Week (EW20).

Federal Territories Kuala Lumpur and Putrajaya Health director Dr Nor Aishah Abu Bakar yesterday said the figures showed a 2.2 per cent increase compared with 1,138 cases reported in EW19.

She said the situation continued to show a worrying increase in the two areas starting from mid-March to yesterday.

"A total of 6,197 HFMD cases has been detected up to May 21, which is the last day of EW20 for this year.

"This is a 14-fold increase in

HFMD cases compared with 403 cases reported in EW20 last year.

"The department detected 408 outbreaks in these two federal territories, which is a 13-fold increase compared with 32 outbreaks reported in EW20 last year."

She said the HFMD situation could be categorised as an epidemic when two or more cases occurred during the same incubation period and in the same locality.

"HFMD infection is highly contagious, especially in children if they have contact with patients or those who have been infected with the disease.

"So we advise parents or guardians of children who have signs of HFMD, such as ulcers in the mouth or blisters on the hands and feet, to not take them to public places, including nurseries, kindergartens or schools, as this will further spread the infection.

"Instead, they should take children with symptoms to see a doctor, while also using separate food utensils and to ensure the patients do not share their items with other children."

Dr Nor advised nursery or kindergarten operators, as well as caregivers, to conduct HFMD



A child in Nibong Tebal, Penang, showing signs of hand, foot and mouth disease, which appears as ulcers on his tongue and small blisters on his palms. PIC BY DANIAL SAAD

screenings at their premises entrances to ensure that only children without symptoms were allowed to enter and mix with other children.

"People are encouraged to con-

tinue practising hand hygiene, especially in washing hands with soap and water, especially after they touch or treat HFMD patients with rashes or blisters.

"Parents and caregivers are also

advised to dispose of their children's disposable diapers properly.

"They should also clean their house floors using chlorine-based disinfectants."

Kelantan sees rise in cases, Labuan records 100pc jump

KOTA BARU: Hand, foot and mouth disease (HFMD) cases in Kelantan are on the rise, totalling 1,233 cases in Epidemiological Week (EW) 20, compared with 945 the week before.

State Health director Datuk Dr Zaini Hussin said the cases were recorded between May 15 and May 21.

Kota Baru, he said, had the highest number of cases at 533,

followed by Pasir Mas (134), Tanah Merah (108), Pasir Puteh (105), Tumpat (92), Kuala Krai (69), Bachok (65), Machang (49), Gua Musang (43) and Jeli (35).

"There are 3,726 HFMD cases this year.

"There was an increase of 1,433 cases compared with the same period last year where 243 cases were registered.

"The majority of patients involved children aged between 1 and 4, at 71.6 per cent.

"Children aged 5 to 6 made up 12.9 per cent, while those under 1 made up 8.9 per cent of the patients."

Dr Zaini said parents or guardians of children were advised to take measures to curb the spread of HFMD, such as by washing hands with soap and clean water after using the toilet, before preparing food, as well as before and after changing nappies or cleaning of children's faeces.

They should not share toothbrushes, handkerchiefs, towels, blankets, drinking glasses and cutlery with those who had HFMD, he added.

"Parents whose children have HFMD symptoms are advised not to send their kids to daycare centres, kindergartens or schools.

"If they're ill, take them to a clinic.

"Business owners are advised to sanitise their premises, especially surfaces and frequently-touched items, such as trolleys, doorknobs and toys."

A sharp increase in HFMD cases was also recorded in Labuan, with 443 cases recorded in the first five months of the year, compared with seven cases in the same period last year, Bernama reported.

Labuan Health Department director Dr Ismuni Bohari, however, said no deaths or serious HFMD cases had been reported.

ed. He said 18 clusters were recorded during that period.

"We are worried about the spike in cases among schoolchildren, coupled with the increase in dengue cases.

"It is an anticipated increase

following the opening of schools and kindergartens, but the 100 per cent jump in cases is worrying us," he said yesterday.

Dr Ismuni said despite the spike in the number of HFMD cases in Labuan, the situation was under control, with monitoring being carried out by his department's enforcement personnel on kindergartens, nurseries and primary schools.

He said the 443 reported cases were scattered in all five zones in the island.

"The 18 clusters involved residential areas, childcare centres, nurseries and kindergartens.

"HFMD is a seasonal disease, which spreads through direct contact with an infected person.

"Our advice to parents is do not send your children with HFMD symptoms to schools."

Last Wednesday, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 31,661 HFMD cases were recorded in Malaysia up to EW19, compared with 2,121 cases recorded in the same period last year.




Datuk Dr Zaini Hussin

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NATION

At a loss when this is spotted



Unlike for Covid-19 where standard operating procedures were clear cut, there isn't any should hand, foot and mouth disease strike kindergartens, say operators. They want similar dos and don'ts as cases around the country soar with Klang Valley alone hitting 6,197 cases this year. > See reports on pages 5 and 6

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Kindergartens playing it safe

GEORGE TOWN: With the number of hand, foot and mouth disease (HFMD) cases on the rise, kindergarten operators are taking extra precautions to prevent the spread of the disease among children under their care.

Apart from sanitising the premises regularly, kindergartens are conducting daily spot checks on the children.

Penang Kindergarten Teachers' Association president Sally Ng said teachers would check every child's mouth and hands daily for red spots.

"Besides temperature checks, we also look out for rashes," she said.

"Some children have symptoms but no fever. Some have ulcers but

no pain so they do not talk about it," Ng said, adding that they need to take precautions as HFMD spreads quickly.

"If we see any spots, we'll ask the parents to consult a doctor."

"If it is a confirmed case, the doctor will report it to the Health Ministry and contact us as well," she added.

Penang health committee chairman Dr Norlela Ariffin said that as at May 14, a total of 1,306 HFMD cases were recorded in the state.

In Johor Baru, the principal of a kindergarten in Taman Adda Heights said all children are required to undergo screening before entering the premises.

"Teachers will be on standby at

the entrance," said Suhaila Halim.

"Even if one child is infected, the likelihood of it spreading across the kindergarten is high," she said, adding that 15 out of the 100 children attending her kindergarten were infected before Hari Raya Aidilfitri.

Cassandra Yap, the owner of a kindergarten in Taman Desa Cemerlang, said body screening is also conducted several times a day.

"We take extra precaution," she added.

Gabungan Taska dan Tadika Malaysia coordinator Roszlinda Sham asked parents to do their part.



Open wide: Teacher Karen Chung checking a child's mouth during a HFMD screening as other children wait for their turn at a kindergarten in Bayan Baru, Penang. — LIM BENG TATT/The Star

> TURN TO PAGE 6

Good hygiene a big help

Stay calm and keep kids clean at all times, parents advised

PETALING JAYA: Having good personal hygiene practices is important to prevent the spread of hand, foot and mouth disease (HFMD) among children, especially at childcare centres.

While HFMD is generally seen as a mild disease, the reopening of preschools and kindergartens as well as the relaxation of Covid-19 curbs mean that more children are susceptible to the virus, as shown from current rising figures.

Consultant paediatrician Datuk Dr Amar-Singh HSS said that before the Covid-19 pandemic, the country would record a certain number of HFMD cases among children, but this number had gone down in the last two years.

"HFMD cases were dramatically reduced over the past two years when we had lockdowns and children were not able to go to kindergartens or schools.

"In addition, there has been heightened awareness of hygiene in the past two years, widespread mask use and extensive use of hand and surface disinfection.

"This meant that many children who might have gotten HFMD during that period did not get infected.

"Now, with the reopening of education services, greater mixing of children and a more relaxed approach to standard operating procedures, we can expect that many susceptible children will get infected," Dr Amar said, explaining the current spike in HFMD cases in the country.

"Recognise that HFMD spreads easily via close personal contact — through coughing or sneezing, touching contaminated objects or

"HFMD spreads easily via close personal contact — through coughing or sneezing, touching contaminated objects or surfaces and via faeces."

Datuk Dr Amar-Singh HSS

surfaces and via faeces," he added.

Paediatric cardiologist and paediatrician Datin Seri Dr Nomee Ashikin Mohammed Radzi said parents need not panic if their children show symptoms.

"It is a self-limiting disease, which means it will go away by itself over time.

"HFMD is a mild illness that resolves itself within a week. There is no specific treatment and usually none is required.


"Use paracetamol, not aspirin, as directed for fever and any discomfort.

"Offer plenty of fluids but avoid orange juice, which is acidic and may cause pain if the child has mouth ulcers," said Dr Nomee, who is from the KPJ Ampang Puteri Specialist Hospital.

What is HFMD?

> Hand, foot and mouth disease (HFMD) is caused by a virus, usually from the coxsackie group of enteroviruses, particularly Coxsackie Virus A16.

> The infection is spread through direct contact with fluid from saliva, skin blisters, nose discharges and faeces from those who are infected.



Signs of HFMD

- Fever
- Blisters inside a child's mouth and sides of tongue
- Sore throat
- Loss of appetite
- Rashes and blisters on the palms of the hands, feet, knees and diaper area

Prevention of HFMD

- Avoid bringing infected children to public places, schools, kindergartens and childcare centres to prevent the spread of the disease.
- Avoid sharing of toys.
- Ensure good personal hygiene and always wash hands with soap after using the toilet
- Dispose diapers properly.

Source: Ministry of Health

TheStar graphics

Klang Valley hit by over 6,000 HFMD cases

PETALING JAYA: A total of 6,197 cases of hand, foot and mouth disease (HFMD) were reported in the Klang Valley as of Saturday.

Kuala Lumpur and Putrajaya health department director Dr Nor'Aishah Abu Bakar said this is 14 times higher than last year's number within the same epidemiology week.

"Only 403 cases were reported over the same duration last year," she said in a statement.

She also noted a 12-fold increase in the number of cases compared to 2021 within the same epidemiological week ending May 21.

There were 408 cases reported at the end of the 20th epidemiological week compared to 32 cases during the same period last year.

"The situation is classified as an outbreak when there are two or more cases in the same incubation period and locality," she explained.

She advised parents to avoid taking their children to public places and sharing of utensils with others if they show any symptoms of HFMD.

In Labuan, Bernama reported a sharp spike in HFMD cases with 443 cumulative cases over the first five months of this year, compared to only seven cases during the same period last year.

"It is an anticipated increase following the reopening of schools and kindergartens, but the 100% jump in cases is worrying," Labuan Health Department director Dr Ismuni Bohari said.

He added that 18 clusters were also recorded during that period.

Operators: Set SOP for HFMD, just like with Covid-19

PETALING JAYA: The Education Ministry must come up with clear guidelines, similar to Covid-19 standard operating procedures, on managing hand, foot and mouth disease (HFMD) outbreaks, say kindergarten operators.

"What we have received from the ministry is just advice to parents and guardians," said Islamic Kindergarten Association of Malaysia (Pertim) secretary Hajah Siti Ruzita Ramli.

"However, there is no order stipulating how many days a child must be quarantined away from the centre.

"Parents are advised to refer to a doctor and avoid sending their chil-

dren to school if they exhibit HFMD symptoms," she added.

Siti said it would be good if operators are given a set of rules like with Covid-19, such as where the children should be quarantined.

"It is important for parents to be aware of the disease and its symptoms," she said, adding that once a child starts to display symptoms, parents should bar them from going to schools or daycare centres immediately.

Siti, who is also the founder of Al Fikih Orchard, said many HFMD cases were reported immediately after Hari Raya Aidilfitri.

She said kindergarten operations were not halted, but children who

had contracted the disease were told not to attend classes.

Melaka Action Group for Parents in Education (Maggie) chairman Mak Chee Kin said the disease is a cause for concern as it is highly contagious.

"Parents and teachers must remind their young ones to practise good hygiene," he said.

Meanwhile, parents are equally concerned about their children.

Siti Syamimi Idrus, 33, for instance, said she is worried for the safety of her five-year-old child but there is nothing much that can be done.

"We can only maintain good hygiene and take precautions, but

they still have to go to kindergarten. We can only hope for the best," she said.

Another mother, who only wanted to be known as Lim, said HFMD has been around for years but there is no cure for it.

"I get my son to try to take every precaution not to get infected," she said.

"I pray that there are no cases in his school."

Deputy Women, Family and Community Minister Datuk Siti Zailah Mohd Yusoff said that for now, there are no plans to close kindergartens, nurseries or daycare centres.

"This issue falls under the Health

Ministry," she said when contacted.

Parent Action Group for Education chairman Datin Noor Azimah Abdul Rahim said parents should be sensitive towards their children's health.

"There is no excuse for parents to be ignorant about HFMD anymore," she said.

"Seek treatment immediately when symptoms appear. Any delay could be fatal."

Noor Azimah said communication should always be open, timely, constant and consistent.

"This is to ensure that parents and students are kept informed of the latest situation in their school at all times," she added.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

'Drop in Covid-19 cases last week'

Health DG: Deaths, hospital admissions and ICU bed usage also decreased

KUALA LUMPUR: The Covid-19 situation in the country during the 20th epidemiology week (Epiweek) showed an improvement with a decrease in new cases and the number of patients admitted to hospital compared to the previous week, says the Health director-general.

Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there was also an increase in Covid-19 recovery cases during that week.

During Epiweek 20 (May 15-21), the number of new Covid-19 cases in the country decreased by 28.8% to 13,630 cases compared to 19,137 in the previous week, he said, adding that this brought the cumulative number of Covid-19 cases in Malay-

sia to 4,489,503, with 28,085 active cases.

Meanwhile, the number of recoveries increased by 21.1% or 12,618 cases to 15,278 during that period.

"Covid-19 death cases in Epiweek 20 showed a decrease of 29 cases compared to 33 in the previous week, bringing the cumulative number of death due to Covid-19 to 35,641," he said yesterday.

Meanwhile, Dr Noor Hisham said the number of Covid-19 patients admitted to health facilities, namely to public hospitals and the Quarantine and Treatment Centres (PKRCs) per 100,000 residents also dropped by 9% compared to the previous week.

"The admission of Covid-19 patients to public hospitals per 100,000 population also decreased by 50%, involving all categories of patients," he added. He said the usage of Covid-19 beds also dropped during Epiweek 20.

The use of ICU beds decreased by 33%, while there was no change in the use of PKRC beds and critical beds from the 19th week to the 20th, he added.

He said positive cases monitored by Covid-19 Assessment Centres (CAC) nationwide also showed a decline, with patient arrivals to CAC decreasing by 5.2%, and the number of new Covid-19 cases undergoing home monitoring

decreasing by 26.6%.

"The number of Covid-19 cases referred by CAC to PKRC or hospital decreased by 18.7%," he said.

Meanwhile, 1,119,411 or 31.5% of children aged five to 11 in the country have been fully vaccinated under the National Covid-19 Immunisation Programme for Children (PICKids) as of last Sunday.

According to the CovidNow website, a total of 1,676,457 or 47.2% of the group have received at least one dose of the vaccine.

For adolescents aged 12 to 17, a total of 2,909,585 or 93.5% are fully vaccinated, while 3,006,147 or 96.6% of the same group have received at least one dose of the vaccine.

Meanwhile, a total of 16,080,331 or 68.3% of adults in the country have received the booster dose, with 22,972,728 or 97.6% having completed two doses, and 23,248,752 (98.8%) having received at least one dose of the vaccine.

A total of 13,706 daily doses were dispensed on Sunday, comprising 1,264 booster shots, 7,377 second doses and 5,065 first doses, bringing the cumulative number of vaccine administration under the National Covid-19 Immunisation Programme (PICK) to 70,799,796.

Meanwhile, the Health Ministry's Github portal reported two deaths due to Covid-19 on Sunday, with one each in Selangor and Kedah.

KJ picked as World Health Assembly veep

KUALA LUMPUR: Health Minister Khairy Jamaluddin was appointed as one of the five vice-presidents of the 75th World Health Assembly which is ongoing in Geneva, Switzerland.

Khairy was appointed along with candidates representing four other countries, namely Bulgaria, Indonesia, Togo and the United States.

The video of the announcement was shared by the Health Ministry to the local media last Saturday evening.

Meanwhile, Bernama reported that the adviser to Health Minister, Dimishtra Sittampalam, confirmed Khairy's appointment via a tweet.

"He will represent the Western Pacific region. This region consists of 37 countries and represents more than one-quarter of the world's population," he said.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Khairy made World Health Assembly veep

KUALA LUMPUR: Health Minister Khairy Jamaluddin was appointed as one of the five vice-presidents of the 75th World Health Assembly, which is ongoing in Geneva, Switzerland.

Khairy was appointed along with candidates representing four other countries, namely Bulgaria, Indonesia, Togo and the United States.

The video of the announcement was shared

by the Health Ministry with the local media on Sunday.

In a tweet, Dimishtra Sittampalam, the adviser to the health minister, confirmed Khairy's appointment.

"He will represent the Western Pacific region. This region consists of 37 countries and represents more than one-quarter of the world's population." - Bernama